



## KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara  
Ara 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra  
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri  
62502 Putrajaya

### PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

---

Tahniah atas pelantikan **YBhg Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman** sebagai **Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya** berkuatkuasa pada **8 Ogos 2023**.

YBhg Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman, 58 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) dari University of Exeter, United Kingdom. Beliau telah memulakan perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Luar Negeri pada tahun 1995.

Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk perancangan dan pentadbiran serta hubungan dua hala serta pernah berkhidmat sebagai Duta Besar di beberapa negara. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Khidmat Pengurusan) di Kementerian Luar Negeri.

Dengan pengalaman dan kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman, saya yakin beliau mampu melaksanakan misi Kementerian dalam memperkasakan ekosistem industri pelancongan dan kebudayaan yang inklusif.

**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
**Ketua Setiausaha Negara**  
**8 Ogos 2023**